

AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN

“We are accountable to each other and to the people dan bertanggungjawab kepada Allah SWT di Hari Penghitungan. Kita telah diberi amanah, kita mestilah beramanah, we hold the people trust we must therefore be trusted.”

(YAB Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi – Majlis Perdana Persidangan Awam ke-5).

“Integrity without knowledge is weak and useless and knowledge without integrity is dangerous and dreadful”.

(Samuel Johnson)

Akauntabiliti dan integriti adalah antara prinsip yang perlu ada dalam setiap penjawat awam. Pelaksanaan tanggungjawab yang diamanahkan yang disertakan dengan amalan prinsip-prinsip akan dapat memastikan peruntukan yang telah diberikan kepada agensi Kerajaan, program, aktiviti atau projeknya mengikut perancangan dan anggaran, sistem, prosedur dan peraturan semasa, serta mendapat pulangan terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.

Prinsip akauntabiliti dan integriti dapat diserapkan dalam diri penjawat awam melalui dua kaedah iaitu usaha berterusan penjawat awam itu sendiri seperti penghayatan nilai-nilai murni dan juga penguatkuasaan daripada Kerajaan seperti penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP), penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun di Agensi Kerajaan Persekutuan, penubuhan Pemudah Cara Perniagaan (PEMUDAH), Pelan Integriti Nasional (PIN), bengkel, program kesedaran dan kursus-kursus berkaitan akauntabiliti dan integriti, penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), penubuhan Biro Pengaduan Awam (BPA) serta pembentukan Unit Audit Dalam. Perluasan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui Sistem e-Perolehan Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB) dan Sistem Pemantauan Projek (SPP II) dan penyediaan Manual Prosedur Kerja, Piagam Pelanggan dan Kod Etika Kerja juga dapat membantu ke arah meningkatkan akauntabiliti dan integriti dalam diri penjawat awam dan organisasi.

Beberapa kaedah pengukuran seperti Indeks Persepsi Rasuah (CPI), star rating, laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA), laporan Ketua Audit Negara, aduan/maklum balas daripada orang awam dan Sistem Pengurusan Akauntabiliti dan Integriti Sektor Awam (SPAII) telah diwujudkan sebagai salah satu usaha memastikan keberkesanan gerakan akauntabiliti dan integriti dalam memantapkan perkhidmatan Kerajaan kepada orang awam. Secara kesimpulannya, prinsip akauntabiliti dan

integriti dalam pengurusan kewangan akan dapat memastikan wang awam dibelanjakan dengan cekap dan teratur, serta mematuhi undang-undang, prosedur dan arahan yang berkuat kuasa.

Begitulah antara petikan kata-kata yang menggambarkan betapa pentingnya prinsip akauntabiliti dan integriti dalam kehidupan dan kerja-kerja seharian. Tanggungjawab sebagai penjawat awam adalah menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Sehubungan dengan itu, penjawat-penjawat awam hendaklah mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni termasuk akauntabiliti dan integriti bagi memastikan matlamat penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada orang awam tercapai.

Definisi Akauntabiliti dan Integriti

Akauntabiliti merujuk kepada kewajipan penjawat awam dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan mengikut undangundang, prosedur dan arahan yang berkuat kuasa yang ditetapkan. Akauntabiliti penting bagi memastikan tugas-tugas yang dilaksanakan mencapai objektif yang telah ditetapkan dan tiada pembaziran yang menjejaskan sumber-sumber awam.

Integriti pula dikaitkan dengan nilai-nilai murni seperti jujur, amanah, telus, tulus, adil dan saksama, berkecuali dan kebolehpercayaan. Penjawat awam yang mempunyai dan mengamalkan prinsip ini tidak bersikap mementingkan diri sendiri sebaliknya lebih mengutamakan kepentingan orang ramai.

Prinsip akauntabiliti dan integriti penting dan perlu dihayati dan dijadikan amalan oleh setiap penjawat awam. Sekiranya prinsip-prinsip ini tidak dititikberatkan dalam pengurusan kewangan, maka penyelewengan, salah laku, penipuan, rasuah dan penyalahgunaan kuasa akan mudah berlaku. Prinsip akauntabiliti dan integriti memainkan peranan utama dan menyumbang ke arah kualiti dan imej sesuatu agensi Kerajaan. Ia juga merupakan pra syarat bagi mendapatkan keyakinan orang awam ke atas perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Akauntabiliti dan Integriti Dalam Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan merujuk kepada proses perancangan, pengagihan dan penggunaan tenaga manusia, modal (wang tunai), barangan (aset) dan perkhidmatan bagi memenuhi matlamat sesuatu organisasi. Pelaksanaan proses ini hendaklah mematuhi undangundang, prosedur dan arahan yang berkuat kuasa yang ditetapkan. Pengurusan kewangan yang cekap dan teratur amat penting dalam menguruskan sumber-sumber yang terhad seperti tenaga manusia, wang, bahan-bahan mentah dan metodologi, menguruskan permintaan yang banyak ke atas sumber-sumber ini, menentukan alternatif terbaik dalam menguruskan sumber-sumber tersebut dan seterusnya meningkatkan tahap ekonomi negara.

Bidang-bidang utama dalam pengurusan kewangan adalah pengurusan belanjawan, pengurusan hasil, pengurusan perolehan, pengurusan perakaunan dan pengurusan aset. Manakala komponen pengurusan

kewangan pula terdiri daripada perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, kawalan dan penilaian. Kawalan ke atas pengurusan kewangan penting bagi memastikan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam suatu bidang pengurusan kewangan adalah mengikut perancangan yang telah ditentukan melalui sistem perakaunan, laporan dan pengauditan serta mematuhi undangundang, prosedur dan arahan yang berkuat kuasa.

Secara keseluruhannya, akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan menjamin bahawa wang awam dapat diuruskan dengan cekap. Tanpa kedua-dua prinsip ini dalam diri penjawat awam, maka akan terjadilah pembaziran penggunaan sumber manusia, kewangan dan masa, kelewatan dalam menyiapkan sesuatu projek, mengurangkan keyakinan orang awam terhadap pengurusan kewangan Kerajaan khususnya dan perkhidmatan awam amnya dan seterusnya membuka peluang untuk berlakunya penyelewengan, rasuah, salah laku dan salah guna kuasa.

Akauntabiliti dan Integriti Dalam Perolehan Kerajaan

Perolehan Kerajaan merujuk kepada proses mendapatkan input-input yang diperlukan oleh sesebuah organisasi dengan cekap pada kos yang paling menguntungkan (*value for money*) dan memenuhi keperluan pelanggan. Ia hendaklah dilaksanakan secara terbuka, adil dan saksama kepada semua pembekal dan kontraktor yang berkeelayakan dan diuruskan dengan cekap dan teratur tertakluk kepada undang-undang, prosedur dan arahan yang berkuat kuasa seperti Akta Prosedur Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan. Ia bertujuan untuk memastikan perolehan yang dibuat adalah paling menguntungkan dan memenuhi matlamat *value for money* bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.

Walaupun pengurusan perolehan Kerajaan dilengkapkan dengan undang-undang, prosedur dan arahan sebagai panduan pelaksanaan, namun ia sering dikatakan sebagai bidang pengurusan kewangan yang paling berisiko untuk berlakunya pembaziran, ketirisan, penyelewengan, salah guna kuasa, salah laku, dan rasuah.

Pembaziran boleh berlaku disebabkan pembelian secara berlebihan, barang-barang yang tidak berkualiti dan tidak mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan, membuat perolehan tanpa perancangan yang teratur dan dengan sengaja mewujudkan keperluan sesuatu bekalan, perkhidmatan atau kerja. Manakala ketirisan pula boleh berlaku disebabkan oleh percanggahan kepentingan, pilih kasih terhadap pembekal atau telah berpakat, tidak melaporkan kecacatan dan kekurangan, membocorkan maklumat jabatan, mengutamakan kepentingan sendiri berbanding kepentingan orang awam dan telah menerima komisen atau suapan.

Faktor utama mengapa terjadinya pembaziran dan ketirisan dalam menguruskan perolehan Kerajaan adalah kemanusiaan iaitu sikap penjawat awam yang tidak mempunyai dan tidak mengamalkan nilai-nilai murni seperti akauntabiliti, integriti, berkecuali, amanah, bersih, jujur, telus, tulus, adil dan saksama dalam melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan. Kes-kes pembaziran dan ketirisan sudah pastinya akan menggagalkan matlamat *value for money* dalam menguruskan perolehan Kerajaan

Penerapan Prinsip Akauntabiliti dan Integriti Untuk Memastikan Value For Money Dalam Perolehan Kerajaan

Penerapan prinsip akauntabiliti dan integriti dalam memastikan value for money dalam perolehan Kerajaan boleh dilaksanakan melalui beberapa kaedah seperti berikut:

- Penghayatan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan awam oleh penjawat-penjawat awam. Ia dapat membimbing dan menjadi pegangan kepada penjawat awam dalam membentuk akhlak yang mulia dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan telus, adil dan bersungguh-sungguh. Antara nilai-nilai murni yang perlu dihayati bagi membolehkan penerapan prinsip akauntabiliti dan integriti dalam setiap pegawai awam adalah seperti amanah dalam menjalankan tugas, bertanggungjawab, ikhlas, jujur, bersih, adil dan saksama, sikap berjimat-cermat dan lain-lain lagi. Pengurusan kewangan yang cekap hanya dapat dilaksanakan oleh penjawat awam yang mempunyai dan mengamalkan ciri-ciri yang baik dan berkualiti.
- Kerajaan juga telah melaksanakan Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia khususnya melalui penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) di semua kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Objektif penubuhan JKP ini adalah untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang paling tinggi, meningkatkan lagi amalan-amalan murni di samping berusaha mengatasi masalah-masalah dan kelemahan terutamanya dalam pengurusan kewangan Kerajaan dan pentadbiran awam.
- Selain JKP, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun di Agensi Kerajaan Persekutuan (JPKA) turut ditubuhkan bertujuan untuk mengawasi, memantau dan menyelia semua urusan kewangan agar berjalan lancar dan mematuhi semua pekeliling, prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan. JPKA memberi penekanan dan pemantauan dalam isu-isu dan kelemahan pengurusan kewangan yang sering dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara seperti perbelanjaan yang melebihi peruntukan yang diluluskan, pengurusan pungutan dan tunggakan hasil yang dikutip tidak check and balance dan tidak dimasukkan ke dalam bank dalam tempoh yang ditetapkan, perolehan dibuat di luar peraturan kewangan serta berlakunya pembaziran dan ketirisan, kelewatan pembentangan penyata kewangan dan laporan tahunan Badan-badan Berkanun dan pengurusan aset dan stor.

- Bagi menerapkan prinsip integriti kepada penjawat awam dan memastikan gerakan pemantapan integriti secara bersepadu pula, Kerajaan telah melancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang berperanan dalam memberikan bimbingan kepada keseluruhan sektor awam, sektor swasta, parti politik, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), agama, media, wanita, belia dan pelajar. PIN seharusnya dijadikan panduan dalam merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menurut acuan sendiri dengan membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi budi pekerti yang luhur (Cabaran ke-4 Wawasan 2020).
- Peningkatan dan pemantapan integriti di kalangan penjawat awam ini perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan prinsip ini dapat dihayati sepenuhnya dan dijadikan amalan semasa melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan. Latihan, bengkel dan kursus-kursus berkaitan akauntabiliti dan integriti hendaklah diberikan sebagai salah satu usaha mengukuhkan lagi prinsip-prinsip tersebut dalam diri penjawat-penjawat awam.
- Usaha melahirkan penjawat awam yang berkualiti dan berintegriti ini sebenarnya memang giat dijalankan oleh Kerajaan. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan adalah melalui pelancaran program-program kesedaran yang memberi tumpuan kepada penghayatan konsep Bersih, Cekap dan Amanah, Dasar Pandang ke Timur, Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran, Budaya Kerja Berkualiti, Kod Etika Kerja, Piagam Pelanggan dan ISO 9000, Penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi mencegah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan termasuklah dari aspek pengurusan kewangan, penubuhan Biro Pengaduan Awam sebagai salah satu mekanisme atau saluran penyampaian aduan dan maklumat oleh orang awam mengenai tindakan, salah laku, salah guna kuasa dan penyelewengan penjawat awam dalam melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan dan pembentukan Unit Audit Dalam bagi memastikan pengurusan perbelanjaan, hasil dan aset Kerajaan dilaksanakan secara berhemah dan teratur.
- Memperluaskan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui pelaksanaan sistem-sistem pengurusan kewangan dan sistem pemantauan projek-projek Kerajaan. Ia bagi meningkatkan lagi ketelusan, kecekapan dan keberkesanan dalam melaksanakan perolehan Kerajaan. Antara sistem-sistem yang membantu ke arah peningkatan akauntabiliti dan integriti penjawat awam adalah seperti Sistem e-Perolehan, Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik (e-SPKB) dan Sistem Pemantauan Projek. Mekanisme pelaporan yang menyeluruh melalui sistem-sistem ini memudahkan pemantauan oleh setiap jabatan.
- Penyediaan Manual Prosedur Kerja, Piagam Pelanggan dan mempamerkan carta aliran kerja supaya diketahui umum. Ia bagi membolehkan orang awam mengetahui prosedur, proses dan aliran kerja bagi mengelakkan kekeliruan serta ruang dan peluang untuk terjadinya penyelewengan. Dengan cara ini, prinsip akauntabiliti dan integriti dapat dikekalkan dalam diri penjawat awam. Pihak pengurusan juga hendaklah memastikan bahawa kod etika kerja bukan sahaja perlu ditulis dan diedarkan kepada

penjawat awam tetapi juga hendaklah dibincangkan bersama dan difahami dan diamalkan dalam menjalankan tugas-tugas seharian.

Keberkesanan Prinsip Akauntabiliti dan Integriti Dalam Pengurusan Perolehan Kerajaan

Keberkesanan penerapan prinsip-prinsip akauntabiliti dan integriti kepada penjawat awam dan keupayaan dalam mengurangkan pembaziran dan ketirisan dalam urusan perolehan Kerajaan boleh diukur melalui beberapa kaedah pengukuran/petunjuk prestasi seperti berikut:

Indeks Persepsi Rasuah (Corruption Perceptions Index – CPI):

CPI merupakan indeks tahunan yang telah dikeluarkan bermula tahun 1995. Indeks ini mengukur tahap rasuah di kalangan penjawat awam dan ahli politik. Apabila prinsip akauntabiliti dan integriti semakin ihayati dan diamalkan dalam pelaksanaan perolehan Kerajaan, maka kes-kes rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan akan semakin berkurangan dan seterusnya akan dapat memperbaiki kedudukan sesuatu negara dalam indeks ini.

Star Rating

Penarafan ke atas agensi Kerajaan melalui Star Rating melibatkan penilaian ke atas tiga (3) komponen utama iaitu Komponen Pengurusan, Perkhidmatan Teras dan Pengurusan Kewangan. Pengurusan kewangan merupakan salah satu kriteria yang dinilai di bawah Komponen Pengurusan. Sub kriteria yang dinilai di bawah pengurusan kewangan ialah bayaran dalam tempoh 14 hari, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, Pengurusan Aset, Tindakan ke atas Laporan Audit, Pemeriksaan Mengejut, Perolehan, Prestasi Perbelanjaan dan Inisiatif mengurangkan pembaziran. Laporan penarafan yang diterima hendaklah dibuat penambahbaikan dan kajian semula secara berterusan oleh agensi Kerajaan. Agensi Kerajaan yang mendapat penarafan yang baik berjaya menghayati dan mengamalkan prinsip akauntabiliti dan integriti dalam melaksanakan .

Laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA):

Selaras dengan penubuhan jawatankuasa ini dan laporan-laporan yang dihasilkan, agensi Kerajaan dapat menilai sejauh mana keberkesanan amalan akauntabiliti dan integriti penjawat-penjawat awam dalam melaksanakan semua urusan kewangan sama ada ia mematuhi undang-undang, prosedur dan arahan yang berkuat kuasa atau pun tidak. Laporan ini juga dapat membantu ketua-ketua jabatan dalam mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam pengurusan kewangan dan akaun dan seterusnya mengambil langkah-langkah penambahbaikan yang sewajarnya.

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara

Antara teguran Ketua Audit Negara dalam pengurusan kewangan adalah dalam bidang perolehan iaitu perolehan sering dibuat di luar peraturan kewangan serta berlakunya pembaziran dan ketirisan. Ketua Jabatan perlulah mengambil serius teguran-teguran oleh Ketua Audit Negara dan menerimanya sebagai sesuatu yang positif untuk meningkatkan lagi sistem pengurusan kewangan jabatan melalui peningkatan amalan akauntabiliti dan integriti.

Aduan / Maklum balas Orang Awam

Salah satu mekanisme yang boleh digunakan oleh orang awam untuk membuat laporan atau aduan adalah melalui Integrated Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam (iSPAAA). Penghayatan prinsip akauntabiliti dan integriti boleh diukur melalui jenis aduan yang diterima melalui sistem ini. Antara jenis aduan yang pernah diterima adalah seperti kelewatan penjawat awam dalam melaksanakan tindakan, salah guna kuasa, tidak mengikut prosedur dan kegagalan penguatkuasaan. Bilangan aduan daripada orang awam yang tinggi, menggambarkan keadaan di mana penjawat awam gagal menghayati dan mengamalkan prinsip akauntabiliti dan integriti dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan.

Sistem Pengurusan Akauntabiliti dan Integriti Sektor Awam (SPAI)

SPAI merupakan salah satu kaedah dalam membuat penilaian dan pengurusan risiko dan dijadikan asas untuk mengenal pasti aktiviti-aktiviti agensi Kerajaan yang berisiko dari segi rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. SPAI membuat penilaian dan penarafan ke atas aktiviti-aktiviti yang berisiko, merangka pelan pengurusan risiko dan mengemukakan kaedah pemantauan pelaksanaan pengurusan risiko.

Rumusan

Prinsip akauntabiliti dan integriti dalam setiap penjawat awam memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan kewangan dan perolehan Kerajaan dapat dilaksanakan dengan adil, jujur, amanah, cekap dan teratur berpandukan undang-undang, prosedur dan arahan yang berkuat kuasa. Penjawat awam hendaklah sentiasa mempunyai, menghayati, mengamalkan dan mengekalkan konsep, falsafah dan prinsip akauntabiliti dan integriti di samping nilai-nilai murni yang lain melalui kaedah-kaedah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan terutama sekali dalam bidang pengurusan kewangan yang melibatkan perolehan Kerajaan.

Rujukan

1. *Institut Integriti Malaysia* : “*Pelan Integriti Nasional Cetakan Ketiga*”, 17 Mei 2006.
2. *Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)* : “*Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam*”, 1991
3. *Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)* : “*Citra Karya – Falsafah, Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam*”.